

**UCAPAN
YANG BERUSAHA EN. HAMZAH BIN MOHAMAD
PENGARAH
JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SARAWAK**

**MAJLIS MENANDATANGANI SIJIL KERJASAMA STRATEGIK DALAM
PELAKSANAAN PROGRAM KESEDARAN ALAM SEKITAR
ANTARA
JABATAN ALAM SEKITAR (JAS) NEGERI SARAWAK DENGAN
INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS TUN ABDUL RAZAK KOTA
SAMARAHAN**

**31 JANUARI 2020
IPGKTAR**

- 1. Yang Berusaha Puan Anis Alisya binti Abdullah
Pengarah Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak Kota
Samarahan**
- 2. Yang Berusaha Cik Zaliha bt Musa
Timbalan Pengarah Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul
Razak Kota Samarahan**
- 3. Yang Berusaha Puan Nur Aida Nur Azman
Pegawai Kawalan Kanan Alam Sekitar mewakili Controller Lembaga
Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak (NREB)**
- 4. En Muyang anak Jami
Ketua Jabatan Sains IPGKTAR merangkap Ketua Penyelaras
Program**
- 5. Ketua-Ketua Jabatan, Para Pensyarah, Pegawai-Pegawai daripada
Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak Kota Samarahan**
- 6. Pegawai-pegawai daripada Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak &
NREB**
- 7. Pelajar-pelajar IPGKTAR yang dikasihi**
- 8. Para media**
- 9. Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

1. Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan rahmat dan izinNya kita dapat bersama-sama di Majlis Menandatangani Sijil Kerjasama Strategik Dalam Pelaksanaan Program Kesedaran Alam Sekitar antara Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak dengan Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak.

2. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada pihak Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak di atas kesudian dan kerjasama di dalam penganjuran Majlis ini. Tahniah dan syabas di atas kesudian pihak IPGKTAR menjalin hubungan kerjasama pintar (*smart and strategic partnership*) menerusi sijil kolaborasi dalam pelaksanaan program kesedaran alam sekitar. Ini merupakan salah satu langkah proaktif bagi menangani isu-isu alam sekitar di Negeri Sarawak.

3. Dengan termeterainya perjanjian kerjasama strategik antara JAS Sarawak dengan Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak pada hari ini, menjadikan jumlah keseluruhan 15 organisasi/ syarikat di Negeri Sarawak menandatangani MOU dan sijil kerjasama dengan JAS Negeri Sarawak.

Hadirin sekalian,

4. Selaras dengan Pelan Transformasi Jabatan iaitu *Engaging The Industry Program - Environmental Sustainability Manager*, JAS telah mengambil pendekatan dengan menjalinkan kerjasama pintar (*smart and*

strategic partnership) dengan pihak industri, Institut Pengajian Tinggi, Institut Pendidikan/ Latihan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pertubuhan-pertubuhan lain dalam menjalankan aktiviti kesedaran alam sekitar.

5. Di peringkat Negeri Sarawak, sesi *engagement* dan *consultation* telah dilaksanakan dengan semua pihak berkepentingan dan antara program/ aktiviti yang telah dilaksanakan adalah seperti Program *Estee Education In Schools*, Program Enviro Run dan Aerobathon, Program Kesedaran Alam Sekitar Bersama Murid-Murid Tabika, Program Pengumpulan Sisa Elektrik Dan Elektronik Isi Rumah, Kem Kesedaran Alam Sekitar, Enviro Ride, Ceramah, Kuiz Alam Sekitar, penanaman pokok, pameran, aktiviti hands-on, permainan, kempen hindari plastik sekali guna, gotong-royong pembersihan pantai dan program-program alam sekitar yang lain. Insya Allah lebih banyak lagi program - program sedemikian akan dapat dijalankan dengan kerjasama semua pihak dengan pendekatan *smart and strategic partnership* ini bersempena dengan sambutan-sambutan berkaitan alam sekitar seperti Sambutan Hari Bumi, Hari Alam Sekitar Sedunia, Hari Ozon Sedunia dan Hari Alam Sekitar Negara.

6. Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, beberapa kerjasama penganjuran dan penglibatan program antara JAS Sarawak dengan Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak yang telah diadakan sebelum ini iaitu aktiviti plogging dan penyertaan pelajar-pelajar dalam Pertandingan Eco Green Aerobathon sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri Sarawak Tahun 2019, penyertaan IPGKTAR dalam Pertandingan Mencipta Bahan Baru dari Bahan Buangan pada 2017 dan 2016, penyertaan IPGKTAR dalam bengkel Sekolah Lestari-Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) tahun 2013 dan penganjuran bersama Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM) Peringkat Negeri Sarawak Tahun 2013 yang telah diadakan di

IPGKTAR. Diharap kerjasama ini dapat diteruskan dan ditingkatkan lagi untuk program-program kesedaran alam sekitar yang akan datang.

Hadirin sekalian,

7. Akhir kata, saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak di atas kesudian untuk menjalankan kerjasama korporat bersama JAS. Tahniah dan syabas di atas usaha dan komitmen yang telah ditunjukkan. Saya berharap kita semua akan terus memperjuangkan usaha-usaha pemuliharaan alam sekitar di Malaysia dan kerjasama strategik seperti ini akan menjadi medan utama dalam memberikan manfaat kepada semua pihak khususnya di Negeri Sarawak.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.